

### Permohonan Notifikasi

Semasa permohonan notifikasi, pemegang notifikasi perlu mengemukakan maklumat -maklumat berikut:

- Jenama & nama produk
- Jenis produk
- Kegunaan produk
- Bentuk produk
- Nama & alamat pengilang
- Nama & alamat pembungkus (jika berkenaan)
- Nama & alamat pengimport (jika lain daripada pemegang notifikasi)
- Senarai bahan produk
- Surat Pemberian Kuasa daripada pemilik produk / perakuan sebagai pemilik jika pemegang notifikasi adalah pemilik produk.

### Yuran Pemprosesan

Yuran pemprosesan ialah RM50.00 bagi setiap produk dan setiap varian (jika ada).

### Tempoh Pemprosesan

1-3 hari bekerja dari tarikh pembayaran.

### Tempoh Sah Notifikasi

Tempoh sah notifikasi produk kosmetik adalah selama 2 tahun dan pembaharuan notifikasi perlu dikemukakan tidak kurang daripada 1 bulan sebelum tamat tempoh sah notifikasi bersama dengan yuran pemprosesan sebanyak RM50.00 bagi setiap produk dan setiap varian (jika ada).

Sila rujuk kepada [Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia](#) untuk maklumat lanjut.

### PROGRAM PENGAWASAN MUTU PRODUK KOSMETIK BERNOTIFIKASI DI PASARAN

Pihak berkuasa menjalankan pemantauan terhadap produk kosmetik bertonifikasi secara aktif dan sistematik melalui Program Pengawasan Mutu Produk Kosmetik Bertonifikasi di pasaran. Program ini bertujuan memastikan produk-produk kosmetik di pasaran adalah selamat untuk pengguna. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

#### Aktiviti-aktiviti Program Pengawasan Mutu Produk Kosmetik Bertonifikasi di Pasaran

- Penyaringan formulasi dan maklumat produk
- Audit ke atas Fail Maklumat Produk (*Product Information File, PIF*) bagi memastikan kepatuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- Pengambilan sampel, pengujian makmal dan semakan label
- Audit ke atas premis pengilang bagi memastikan kepatuhan kepada "ASEAN Guidelines for Cosmetic Good Manufacturing Practice"
- Pemantauan terhadap kesan mudarat berkaitan produk kosmetik
- Pemantauan terhadap iklan kosmetik
- Penyiasatan ke atas aduan produk
- Perkongsian maklumat antara negara-negara ASEAN

#### SILA HUBUNGI:

Tel: 03-78835400 (Ext: 8495 / 5534 / 5537)


E-mel: [kosmetik@bpfk.gov.my](mailto:kosmetik@bpfk.gov.my)

Laman sesawang rasmi BPFK:  
<http://www.bpfk.gov.my>



BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN  
NATIONAL PHARMACEUTICAL CONTROL BUREAU  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

## KAWALAN PRODUK KOSMETIK DI MALAYSIA



## NOTIFIKASI KOSMETIK

Produk kosmetik dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Peraturan-peraturan ini adalah berkaitan dengan keselamatan, kualiti dan tuntutan produk bagi tujuan melindungi dan meningkatkan kesedaran awam.



## DEFINISI PRODUK KOSMETIK

"Bahan atau persediaan yang dicadangkan untuk digunakan pada bahagian luaran tubuh badan manusia (kulit, rambut, kuku, bibir dan organ genital luaran) atau gigi dan rongga mulut, dengan tujuan untuk membersihkan, mewangi, memperbaiki / mengubah atau mencantikkan, menghilangkan bau badan, memelihara atau menjaga dalam keadaan baik."

## PROSEDUR NOTIFIKASI PRODUK KOSMETIK

Permohonan notifikasi perlu dikemukakan secara online melalui sistem QUEST yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi BPFK, <http://www.bpfk.gov.my>.

Syarikat yang bertanggungjawab untuk memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan perlu mengemukakan permohonan notifikasi kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (PKPF) melalui Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) sebelum penjualan, pengilangan, pengimportan atau pemborongan produk kosmetik boleh dijalankan.

Nota Notifikasi perlu dicetak bagi setiap produk dan setiap varian (jika ada) dan ia merupakan satu bukti bahawa kebenaran telah diberikan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti yang dinyatakan di atas.

Bagi syarikat dari luar negara yang ingin membawa masuk produk kosmetik ke Malaysia, mereka perlu melantik wakil syarikat tempatan (sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia) untuk menjadi pemegang notifikasi kosmetik yang sah. Syarikat yang dilantik akan bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan notifikasi produk kosmetik.



## CARTA ALIRAN PROSEDUR NOTIFIKASI

